

Manakala di peringkat kebangsaan pula, pihaknya akan mengadakan kempen-kempen untuk memperingatkan rakyat agar mereka tidak membuang sampah merata-rata seperti kempen 'Berani Tegur' dengan memberi galakan kepada rakyat Malaysia berani menegur kepada sesiapa sahaja yang tidak pandai membuang sampah di dalam tong sampah.

Ramai penduduk di Melaka yang ditemui Bernama menyokong dasar baharu kerajaan ini dan berpendapat ianya perlu bermula dari peringkat paling asas iaitu dalam setiap keluarga sebelum ianya menjadi satu budaya dalam masyarakat.

Pesara kerajaan, Jamali Basirin, 59, berkata usaha menyemai kesedaran menjaga kebersihan dalam kalangan masyarakat perlu bermula dari bawah iaitu di peringkat keluarga terlebih dahulu.

"Jika semua ketua keluarga dari awal telah mula menyemai kesedaran menjaga kebersihan bukan hanya pada diri sendiri dan dalam rumah malah mengambil tahu atau ambil peduli kawasan sekitarnya... saya yakin bahawa lama-lama ianya akan menjadi satu budaya atau nilai murni dalam masyarakat," katanya dari Benbam, Jasin.

Bapa kepada empat orang anak itu berkata beliau mula mendidik kesedaran menjaga kebersihan kepada anaknya sejak dari kecil dengan meminta anaknya membuang sampah ke dalam tong sampah agar mereka tidak memandang remeh akan perkara ini atau meletakkan tanggungjawab itu kepada orang lain seperti kepada pemungut sampah.

Turut berkongsi pendapat yang sama, Norfitriha Mohd Said, 34, dari Bukit Katil berkata, beliau seorang yang teliti dalam soal kebersihan sejak kecil hasil didikan kedua-dua ibu bapanya.

"Apabila sudah berkahwin dan mempunyai anak... saya terapkan nilai peka menjaga kebersihan kepada keluarga dan tidak 'berat mulut' menegur mereka yang membuang sampah merata-rata kerana bagi saya ia satu nilai yang perlu dijaga yang melambangkan peribadi seseorang," kata ibu kepada tiga anak yang bekerja sebagai peniaga.

- *Bernama*